

KESAN PENGGUNAAN PENDEKATAN PROSES DALAM KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN NARATIF BAHASA CINA DALAM KALANGAN MURID TAHUN LIMA DI SEBUAH SEKOLAH DI KUCHING, SARAWAK

Oleh

Hii Yek Ming

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengetahui kesan penggunaan Pendekatan Proses dalam pengajaran dan pembelajaran menulis karangan naratif Bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina CHBK Kuching, Sarawak. Bertitik-tolak daripada ketetapan tersebut, kajian ini dijalankan dengan mempelbagaikan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dalam mengajar kemahiran menulis karangan naratif dengan menggunakan pendekatan proses. Kajian ini melibatkan 34 orang murid Tahun 5 di sekolah tersebut. Berdasarkan pendekatan proses, dua sesi pengajaran dan pembelajaran menulis karangan naratif telah dirancang untuk menambahbaik pencapaian penulisan kalangan murid-murid Tahun 5. Hasil kajian mendapati pendekatan proses membantu dalam memperbaiki karangan naratif Bahasa Cina peserta kajian.

1.0 Siapa Saya

Saya ialah guru pelatih dari Institut Perguruan Batu Lintang yang dalam kursus PISMK OUM PCambilan 2006. Saya telah membuat penyelidikan tentang penggunaan pendekatan proses untuk kemahiran menulis karangan naratif dalam kalangan murid-murid Tahun Lima di Sekolah Jenis (C) CHBK. Murid-murid Tahun 5 terdiri daripada campuran lelaki dan perempuan seramai 34 orang yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Kebanyakan mereka berasal dari luar bandar.

1.2 Keprihatinan saya

Menurut Sundralingam (1989), kegagalan murid menulis karangan yang baik ialah kerana guru bahasa masih menggunakan pendekatan yang tradisional. Guru mengemukakan satu tajuk karangan, seterusnya membincangkan isi-isi penting bersama murid dan kemudian murid akan menulis tajuk tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja tidak menggalakkan hasil penulisan yang baik, kerana guru tidak memberi rangsangan yang sesuai untuk mencetuskan pemikiran murid serta tidak mengerakkan minat, malah murid juga kurang dipandu dari aspek proses menulis mengikut tahap-tahap tertentu. Kesimpulannya, daripada pernyataan masalah yang telah dibincangkan, didapati prestasi dan kemampuan murid menulis karangan yang baik masih rendah dan perlukan pendekatan pengajaran

dan pembelajaran (p&p) menulis karangan yang sesuai dengan kehendak dan kemampuan murid sendiri.

Dalam proses p&p kemahiran menulis karangan di Tahun 5 sekolah ini, guru biasanya mengamalkan pendekatan tradisional iaitu guru menetapkan tajuk karangan untuk dihasilkan oleh murid-murid. Ini diikuti dengan aktiviti membincangkan isi-isi penting dan seterusnya murid diminta menulis karangan. Oleh itu, dalam kajian ini, saya telah melaksanakan pendekatan proses untuk meninjau kesannya ke atas pencapaian kemahiran menulis karangan naratif dalam kalangan murid-murid Tahun 5 di SJK (C) CHBK.

Menurut Keh (1990), penggunaan pendekatan proses dalam pengajaran penulisan karangan bukanlah satu yang baru. Pendekatan ini telah digunakan sejak 1970-an. Schwartz (1990) menerangkan bahawa pendekatan proses berperanan penting dalam penulisan karangan yang mana murid dibantu untuk melalui proses merancang, membuat draf dan menyemak teks. Model ini menekankan interaksi di antara guru dengan murid melalui aktiviti seperti perbincangan, menjadi model, kerjasama rakan sebaya dan berdialog mengenai teks.

Sepanjang praktikum saya di sekolah ini, saya mendapati murid-murid lemah mengemukakan isi ketika melakukan aktiviti menulis karangan naratif dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini melaksanakan pendekatan proses untuk meninjau kesannya terhadap murid-murid Tahun 5 dalam mengemukakan isi-isi karangan. Kajian ini hanya melibatkan lapan orang murid Tahun 5 yang lemah dalam memberi isi-isi karangan berdasarkan prestasi sebelumnya. Lapan orang murid ini terdiri daripada 5 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Setiap murid diwakili oleh nombor dari 1 hingga 8 secara rawak. Proses penganalisan data melibatkan penganalisan latihan karangan 8 orang murid-murid Tahun 5 dari segi markah, analisis kandungan (isi karangan dan kriteria isi), analisis temu bual bersama murid dan analisis penulisan refleksi saya.

1.3 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- menambahbaik pencapaian penulisan dalam kalangan murid-murid Tahun 5.
- Mengkaji kesan pelaksanaan pendekatan proses terhadap murid-murid Tahun 5 dalam mendapat isi-isi penting untuk menghasilkan karangan yang baik.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan berikut iaitu:

- Apakah kesan pelaksanaan pendekatan proses dalam penulisan karangan dalam kalangan murid-murid Tahun Lima?

2.0 Tindakan Saya

Dalam pelaksanaan perancangan tindakan, saya menjalankan dua sesi p&p berkaitan dengan kemahiran menulis karangan naratif dengan menggunakan pendekatan proses. Seramai 34 murid Tahun 5 terlibat dalam sesi p&p tersebut.

Jadual 1 menunjukkan pelaksanaan p&p menggunakan pendekatan proses berserta tajuk-tajuk karangan naratif yang dijalankan mengikut perancangan kajian manakala Jadual 2 menunjukkan perancangan dan pelaksanaan kajian ini.

Jadual 1: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Pendekatan Proses mengikut Tarikh dan Tajuk

Bulan	Tarikh	Bil.Karangan	Tajuk Karangan
Ogos (Sesi 1)	27.8.2008	34	难忘的一件事 Peristiwa Yang Paling Sukar Saya Lupai
September (Sesi 2)	3.9.2008	34	难忘的一件事 Peristiwa Yang Paling Sukar Saya Lupai

Jadual 2: Perancangan Kajian Tindakan dalam Kemahiran menulis Karangan dengan menggunakan Pendekatan Proses

Sesi	Pelaksanaan
Sesi 1 – (27.8.2008) prapenulisan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru mengemukakan tajuk karangan. 2. Guru membantu murid-murid menjana idea berdasarkan pengetahuan sedia ada. 3. Murid-murid digalakkan berinteraksi dengan rakan. 4. Murid-murid memilih bentuk karangan yang sesuai. 5. Guru memberi bimbingan agar murid-murid dapat menulis sesuatu yang berkaitan dengan tajuk karangan secara pantas dan bebas. 6. Aktiviti sumbangsaran dijalankan. 7. Guru membimbing murid agar menyedari tujuan karangan yang akan ditulis.
Sesi 2 (3.9.2008) Penulisan , Konferensi, dan penyemakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diminta menulis idea yang ada dan guru membimbing murid supaya mereka membuat draf karangan yang jelas dan mudah dibaca. 2. Murid diminta menulis draf pertama dalam jangka masa tertentu. 3. Murid memberi maklum balas yang positif kepada draf karangan pertama sebelum menulis draf kedua. 4. Guru memberi ulasan tentang kekuatan dan kelemahan draf karangan. 5. Sesi konferensi dijalankan. 6. Murid menulis draf kedua. 7. Murid dibimbing untuk menyemak.

Gambar-gambar berikut menunjukkan sesi p&p menggunakan pendekatan proses untuk sesi pengajaran karangan naratif.



Guru memberi penerangan dan mengemukakan tajuk karangan



Guru memberi bimbingan dan murid berinteraksi dengan rakan



Murid menulis karangan

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah dijalankan dalam bentuk kajian tindakan dengan menggunakan temu bual, hasil pelajaran murid dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data utama.

3.2 Peserta Kajian

Peserta kajian tindakan ini terdiri daripada saya dan satu kelas murid-murid Tahun 5 SJK(C) CHBK. Karangan lapan orang murid dipilih untuk tujuan analisis kajian kerana lemah dalam memberi isi-isi karangan berdasarkan prestasi sebelumnya. Setiap murid diwakili oleh nombor dari 1 hingga 8.

3.3 Teknik Mengumpul Data

Data kajian ini dikumpul berdasarkan sumber seperti soalan-soalan temu bual, hasil penulisan murid-murid, skema permarkahan karangan dan hasil penulisan refleksi saya untuk melihat kesan penggunaan pendekatan proses dalam p&p menulis karangan.


3.4 Teknik Menganalisis Data

Proses penganalisan data melibatkan penganalisan lapan latihan karangan murid-murid Tahun 5. Ia dianalisis dari segi markah dan analisis isi karangan. Saya menemu bual murid-murid sebaik sahaja proses p&p tamat. Data yang dikumpul melalui temu bual dan penulisan refleksi dianalisis secara kualitatif yang mana data temu bual yang dikutip telah diubah dalam bentuk teks.

4.0 Dapatan Kajian dan Refleksi

Pencapaian kemahiran menulis karangan yang menggunakan pendekatan proses menunjukkan perubahan jika dibandingkan dengan kaedah tradisional yang digunakan sebelumnya.

Pencapaian kemahiran menulis karangan naratif dengan menggunakan pendekatan proses didapati telah meningkat. Pencapaian ini jelas dilihat dari segi markah latihan karangan 8 orang murid pada bulan Julai dan Ogos. Melalui analisis yang diperolehi, didapati bilangan murid yang mendapat markah peringkat A meningkat pada bulan Ogos manakala bilangan yang mendapat markah peringkat D menurun daripada 2 orang pada bulan Julai kepada tiada orang pada bulan Ogos. Rajah 1 menunjukkan perbandingan markah latihan karangan 8 orang murid-murid Tahun 5 pada bulan Julai dan Ogos.



Rajah 1: Perbandingan markah murid pada bulan Julai dan Ogos

Pengaplikasian pendekatan proses dapat mengurangkan masalah untuk menjana isi-isi penting dalam kemahiran menulis karangan naratif di kalangan murid-murid Tahun 5 di sekolah ini. Melalui hasil karangan murid-murid, saya mendapati ada penambahbaikan dalam aspek kriteria isi. Hasil kajian ini juga menunjukkan murid-murid tidak lagi menghasilkan isi bercampur, isi yang tiada contoh atau karangan tidak berfokus. Masalah-masalah ini telah berjaya diatasi oleh murid-murid setelah penggunaan pendekatan proses di dalam kelas. Jadual 3 dan 4 menunjukkan analisis tentang isi yang dipersembahkan dalam karangan murid-murid.


Jadual 3 : Analisis kandungan berdasarkan jumlah isi karangan

Murid	1	2	3	4	5	6	7	8
Isi karangan								
Satu isi								
Dua isi								
Tiga isi	/				/			
Tiga isi ke atas		/	/	/		/	/	/

Jadual 4: Analisis Kriteria Isi Kandungan

Murid	1	2	3	4	5	6	7	8
Kriteria Isi								
Isi dikembang dengan baik	/	/				/	/	/
Isi tidak dikembang dengan baik			/	/	/			
Isi bercampur								
Isi yang tiada contoh								
Isi sipi								
Karangan tidak berfokus								

Selain itu, tata bahasa karangan juga didapati lebih baik selepas penggunaan pendekatan proses. Murid-murid diberi ruang yang banyak untuk berbincang bersama rakannya untuk memperbaiki bahasa dan tata bahasa karangan mereka semasa sesi konferensi. Di samping itu, kesalahan tanda baca juga diperbaiki. Semasa murid-murid diberi peluang menyemak draf rakannya, murid-murid dapat menyedari tentang kesalahan yang dilakukan. Kesedaran ini membantu murid-murid membetulkan kesalahan mereka sendiri semasa menulis karangan seperti yang ditunjukkan oleh hasil kerja murid pada Rajah 2.



Rajah 2: Antara hasil kerja murid-murid

Secara keseluruhannya, pendekatan proses dapat meningkatkan lagi pencapaian kemahiran menulis karangan sekiranya dilaksanakan dalam jangka panjang.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan pendekatan proses member kesan kepada kemajuan dan peningkatan dalam kemahiran menulis karangan naratif

Bahasa Cina dalam kalangan murid-murid Tahun 5 di SJK(C) CHBK. Ini jelas dilihat daripada markah pencapaian murid dari bulan Julai hingga bulan Ogos. Penggunaan pendekatan proses dalam p&p berkaitan dengan menulis karangan telah berjaya membantu murid-murid tersebut dalam mengatasi masalah kurang idea untuk menghasilkan isi-isi penting dalam menulis sesebuah karangan. Oleh itu, saya berharap saya dapat menggunakan pendekatan proses ini dalam proses p&p penulisan karangan pada masa akan datang.

Pendekatan proses dapat meningkatkan pencapaian kemahiran menulis karangan dalam jangka masa panjang. Murid-murid lama-kelamaan akan memahami proses-proses yang berlaku dalam mengarang iaitu daripada proses merancang, membuat draf, menyemak, menulis semula dan menyemak kembali sehingga selesai penulisan karangan. Proses ini melibatkan masa yang lebih panjang untuk murid-murid membiasakan diri mereka dalam menulis karangan. Jika murid-murid dapat menguasai kemahiran menulis, sudah tentu proses pembelajaran penulisan karangan akan menjadi lebih baik dan menarik. Pendekatan proses ini amat sesuai dengan pembelajaran berpusatkan murid dan guru sebagai fasilitator dalam membantu, membimbing dan memberi motivasi kepada murid-murid.

Bibliografi

- Abd.Aziz Abd.Talib. (1987). Langkah-langkah pemulihan dalam pengajaran kanak-kanak kemahiran menulis karangan: Satu pendekatan, *Dewan Bahasa*, 31(1).
- Abd. Aziz Abd.Talib. (1988). Konsep gaya, mod wacana dan kesedaran mengenai membaca dalam penulisan: Implikasi daripada sudut pengajaran, *Jurnal Dewan Bahasa*, 704-719.
- Britton, A. M., Mcleod, A. & Rosen. (1975). *The development of writing abilities*. London: Macmillan Education.
- Byrne & Donn. (1981). *Teaching writing skills*. London: Longman.
- Jemaah Nazir Persekutuan. (1989). *Buku Panduan Penyeliaan Bahasa Sekolah Rendah dan Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Keh, C. L. (1990). *A design for a process Approach Writing Course*, *English Teaching Forum* (1).
- Lee S.K. (1994). *Explorations process: Based writing tasks in English*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.